

Rencana gaya hidup ikut kemampuan

Suburkan rezeki dengan amal jariah

Nik Salida Shuhaila

salidasuhaila99@yahoo.com



ADA sebabnya apabila Allah SWT menyuruh kita cermat dan berhati-hati dalam urusan dan berhati-hati dalam urusan dunia serta berpesan agar kita memanfaatkannya sekadar perlu saja dan meninggalkan keinginan terlampau.

Yang paling utama adalah bersederhana dalam berbelanja iaitu tidak boros dan tidak pula kekekut seperti firman Allah SWT dalam Surah al-Furqan, ayat 67 yang bermaksud: *“Dan orang yang apabila membelanjakan (harta), mereka tidak berlebihan dan tidak (pula) kikir dan adalah (perbelanjaan itu) di tengah antara yang demikian.”*

Rasulullah SAW dan sahabat juga menunjukkan contoh serta mengajarkan kepada umat Islam mengenai amalan berjimat-cermat supaya menjadi ikutan umat Islam seluruhnya sehingga akhir zaman demi kebajikan bersama.

Sifat boros dan tidak berhati-hati dalam urusan duniawi sememangnya patut dijauhi kerana ia adalah amalan syaitan. Allah berfirman dalam Surah al-Israa' ayat 27 yang bermaksud: *“Sesungguhnya orang yang membazir itu adalah saudara syaitan, sedangkan syaitan itu sangat kufur kepada Rabb-Nya”.*

Tiada siapapun yang ingin menjadi saudara kepada syaitan durjana. Justeru, kita haruslah berhati-hati

dalam merencana cara dan gaya hidup agar tidak melewati sempadan yang sepatutnya sebagai umat yang tidak kufur dengan nikmat kurniaan Allah SWT.

Yang utama ialah, kalau kita diberikan rezeki melebihi keperluan dan tanggungan, sedangkan dalam masa sama ada orang lain terlalu berhajat dengan keperluan hidup yang tidak mampu mereka peroleh, jangan pula kita menyorok tangan dan membutakan mata dengan tidak mengambil endah terhadap tanggungjawab sesama manusia.

Kadangkala kita hanyalah perantara yang dilantik Allah SWT untuk membantu sesama makhluk kerana sifat amanah yang ada, bukan berhabisan untuk kepuasan sendiri di atas dunia yang fana ini. Salman Al-Farisi pernah datang kepada Abu Bakar As Siddiq r a ketika beliau sakit dan menghadapi kematiannya.

Lalu Salman berkata, “Berpesanlah kepadaku, wahai khalifah Rasulullah”. Abu Bakar menjawab: “Sesungguhnya Allah membukakan dunia untukmu kerana itu janganlah sekali-kali salah seorang daripada kamu mengambilnya kecuali sekadar bekal keperluannya saja.”

Tentunya kita rasa terkilan untuk membantu orang yang tidak tahu berjimat-cermat dalam urusan hidupnya. Contohnya, tiada wang simpanan untuk pendidikan anak, kehidupan pada usia tua, sewaktu keemasan, ihsan kepada orang lain sebagai sedekah, untuk mengembangkan syiar agama dan sebagainya kerana terlalu bermewah dengan apa yang ada dan wang habis sekelip mata, sebaliknya tidak malu meminta wang



BERSEDEKAH dapat mengajar kita menghargai rezeki yang diberi Allah SWT.

dengan orang lain atas nama hutang untuk menanggung kehidupan.

Rasulullah SAW sendiri tidak terlalu kluatir kalau umat Baginda menjadi fakir, tetapi Baginda takut kalau kita tertipu dengan dunia yang dihiasi dengan isinya yang sementara, yang semuanya hanyalah penyebab untuk kita ke neraka, dan itulah juga penyebab kita ke syurga, jika kita bijak membuat pilihan.

Berjimat-cermat dalam urusan dunia adalah keutamaan umat Islam untuk dijadikan contoh kepada

bukan Muslim, supaya mereka dapat menyedari bahawa moral yang sekecil itu boleh memberi untung besar kepada agama.

Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud: “Maka bergembiralah dan berharap terhadap apa yang mudah bagimu. Demi Allah, bukanlah kekafiran yang aku kluatir atas kamu, tetapi aku kluatir jika kamu dibentangkan dunia seperti yang pernah dibentangkan kepada orang sebelum kamu, lantas kamu berlumba-lumba merebutnya, lalu membinasakan kamu seperti mana sebelum ini membinasakan mereka”. (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Hari ini ramai suami yang mengabaikan tanggungjawab kepada isteri kerana tipu daya dunia terutama wanita cantik, arak dan judi, hiburan yang melalaikan, kehidupan sosial yang tiada siapa peduli, memungkinkan mereka memilih jalan yang tidak halal dan mengakhiri kehidupan sementara ini dengan iman yang tidak teguh kepada pencipta-Nya.

Bahkan ada yang kehilangan nikmat yang Allah kurniakan kepada mereka di dunia iaitu seorang wanita sebagai isteri dan cahaya mata yang

tidak Allah kurniakan kepada semua melainkan mereka yang terpilih kerana tertipu dengan kesesatan dunia.

Begitu juga wanita yang bijak, apa juga peranan yang mereka mainkan di dunia, sama ada sebagai isteri, ibu, kakak, adik, ketua, pemimpin dan pekerja sekalipun, mereka perlu bertanggungjawab terhadap amanah.

Jangan sesekali lupa untuk cermat dalam segala tindakan kerana impak wanita dalam pembangunan agama dan negara terlalu besar, terutama di negara ini.

Tentulah umat Islam tidak rela terpedaya, kerana mereka telah diberikan petunjuk oleh Allah SWT agar menjauhi kesesatan.

Orang yang terpedaya ialah orang yang tidak cermat dalam urusan dunia. Mereka tidak berjimat jika punya wang, mereka tidak rasa beruntung jika mempunyai masa, tidak berhati-hati apabila berbicara sewaktu orang ingin mendengar kata-katanya, lalu mereka membazirkan semuanya tanpa rasa bersalah, akhirnya mereka tidak punya segala yang ada pada orang lain sama ada di dunia mahupun di akhirat.

PETIKAN AL-QURAN



Sesungguhnya orang yang membazir itu adalah saudara syaitan, sedangkan syaitan itu sangat kufur kepada Rabb-Nya

Surah al-Israa'
Ayat 27